

Polis bongkar sindiket edar dadah guna kurier

11 Februari 2022

Polis bongkar sindiket edar dadah guna kurier

Johor Bahru: Polis membongkar kegiatan sindiket pengedaran dadah menggunakan perkhidmatan kurier dalam beberapa siri serbuan pada 5 Februari lalu.

Ketua Polis Johor, Datuk Kamarul Zaman Mamat berkata, tujuh serbuan dijalankan di beberapa kawasan, termasuk di Tebrau dengan kerjasama Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman mulai jam 3 petang hingga 9.30 malam.

Beliau berkata, dalam serbuan berkenaan, lima lelaki warga tempatan dan dua perempuan warga asing berusia antara 22 hingga 56 tahun ditahan.

Katanya, sindiket yang beroperasi sejak November 2021 turut mengisytiharkan barangan itu sebagai kosmetik bagi mengaburi syarikat perkhidmatan kurier.

"Rampasan dadah, termasuk 17.7 kilogram dadah mushroom dan tiga kilogram eskstasi bernilai RM1.04 juta yang dirampas dipercayai bekalan daripada luar negara.

"Hasil saringan mendapati dua suspek positif da-

dah jenis methamphetamine selain hasil semakan, lima suspek memiliki rekod lampau berkaitan dadah.

"Suspek ditahan reman selama tujuh hari mulai 6 Februari hingga 12 Februari bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.

"Jika disabit kesalahan boleh dijatuhkan hukuman mati atau penjara seumur hidup serta boleh dikenakan

sebatan," katanya di sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Johor di sini, semalam.

Mulai 1 Januari hingga 6 Februari 2022, polis Johor berjaya membuat tangkapan seramai 2,071 individu atas pelbagai kesalahan dadah.

Ia membabitkan sebanyak 871 kilogram rampasan dadah bernilai RM4.01 juta selain barangan disita bernilai RM1.13 juta.



Kamarul Zaman menunjukkan antara dadah yang dirampas pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Johor, Johor Bahru, semalam.
(Foto Victoria Dass/BH)